

Kursus fahami undang-undang Islam dalam konteks SG

Hasil kerjasama NUS, Mahkamah Syariah dan Muis

► **FARID HAMZAH**
farid@sph.com.sg

SATU kursus mengenai undang-undang Islam pertama kali diperkenalkan Fakulti Undang-Undang Universiti Nasional Singapura (NUS) bagi mengisi jurang dalam latihan guaman formal dan memperbaiki latihan para peguam di Mahkamah Syariah.

Dimulakan sejak Oktober tahun ini, kursus itu mempunyai matlamat antaranya untuk memberi pemahaman menyeluruh mengenai undang-undang keluarga Islam sejajar dengan konteks Singapura.

Ia juga diharap dapat menjelaskan prinsip etika Islam dan matlamat di bawah pemikiran undang-undang Islam.

Dikenali sebagai Kursus Amalan Undang-Undang Islam (MLPC), ia merupakan hasil kerjasama Fakulti Undang-Undang NUS, Mahkamah Syariah dan Akademi Majlis Umma Islam Singapura (Muis).

Ia turut mendapat sokongan Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY), serta pentauliahan dari Institut Pendidikan Guaman Singapura.

Kumpulan pertama seramai 54 orang terdiri daripada berbilang bangsa - 28 Melayu, 18 bangsa Cina dan lapan bangsa India - yang menyertai tiga modul ditawarkan di bawah kursus itu.

Antara mereka termasuk wakil Jawatankuasa Amalan Undang-Undang Islam Persatuan Undang-Undang Singapura, hakim Mahkamah Keluarga, hakim dan pendaftar Mahkamah Syariah, para anggota Lembaga Rayuan Muis dan mahasiswa undang-undang.

Berucap di majlis penutup MLPC di bangunan Undang-Undang NUS (Kampus Bukit Timah) semalam, Menteri Negara Kanan (Pertahanan merangkap Ehwal Luar) Dr Mohamad Maliki Osman, berkata inisiatif tersebut mem-

bolehkan peserta terdiri daripada para peguam dan hakim keluarga untuk sama-sama mendalami pengetahuan mereka tentang pelbagai aspek mengenai Undang-Undang Islam.

“Kursus ini bertujuan mengisi jurang di dalam latihan formal undang-undang. Ia mengenalkan peserta kepada kefahaman menyeluruh tentang undang-undang keluarga Islam sebagaimana yang diamalkan di Singapura.

“Terdapat teras ajaran dan pengajaran asas Islam yang tidak boleh diubah. Terdapat juga kepelbagaian pendapat yang menunjukkan kekayaan tradisi undang-undang Islam. Saya berharap peserta kursus dapat menghargai kefahaman undang-undang Islam yang klasik dan kontemporari. Juga, prinsip-prinsip etika dan objektif di sebalik pemikiran undang-undang Islam,” jelas Dr Maliki.

Beliau berharap kursus itu dapat memberi mereka pengetahuan dan kemahiran asas bagi memahami undang-undang Islam agar mereka dapat berkhidmat dengan lebih baik kepada pelanggan Islam di Mahkamah Syariah.

Salah seorang peserta, Encik Mohamed Fazal Abd Hamid, 32 tahun, yang merupakan peguam dengan firma I.R.B. Law LLP, berkata kursus yang dihidirinya meliputi pelbagai topik yang menganalisis secara mendalam tentang jenis pembubaran perkahwinan dalam Islam termasuk *talaq* dan *khuluk*.

“Ia juga mendedahkan saya kepada injuksi Al-Quran berkaitan pembubaran perkahwinan dalam usaha mengekstrapolasi prinsip umum berkaitan subjek tersebut,” katanya, yang telah menjadi peguam sejak empat tahun lalu.

Sementara itu salah seorang tenaga pengajar salah satu modul, yang juga Profesor Madya dan Timbalan Pengarah Institut Undang-Undang Asia (Asli), Dr Jaclyn L. Neo, berkata beliau menyentuh tentang kedudukan Undang-Undang Islam dalam sistem perundangan di Singapura.